



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**

www.ijlgc.com



**PRODUKSI VIDEO DOKUMENTARI “JEJAK INFaq
BAITULLAH MERBOK”**

*DOCUMENTARY VIDEO PRODUCTION OF “JEJAK INFaq BAITULLAH
MERBOK”*

Nor Asmida Mohd Noor¹, Zauridah Abdul Hamid^{2*}

¹ Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Emel: nor_asmida_m@smmtc.uum.edu.my

² Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Emel: zauree@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.10.2024

Revised date: 14.11.2024

Accepted date: 10.12.2024

Published date: 20.12.2024

To cite this document:

Noor, N. A. M., & Hamid, Z. A. (2024). Produksi Video Dokumentari “Jejak Infaq Baitullah Merbok”. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9 (38), 407-418.

DOI: 10.35631/IJLGC.938027

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Masjid sering digambarkan sebagai sebuah tempat beribadah dan tempat pengurusan hal-hal keagamaan tetapi kelainan yang dibawa oleh sebuah masjid di Merbok, Kedah menjadikan masjid ini sebuah masjid yang unik dan trending dalam kalangan komuniti di media sosial. Masjid Jamek Pekan Merbok yang berusia 52 tahun, telah diberi nafas baharu dan penjenamaan semula sebagai Masjid Al-Busyra. Pembinaan masjid berkONSEPkan Hentian Rehat dan Rawat dan juga sebagai Pusat Sehenti menjadikan ianya sebagai masjid mesra musafir pertama di Kedah. Oleh itu, artikel ini memfokuskan kepada produksi video dokumentari yang bertajuk “Jejak Infaq Baitullah Merbok”. Video dokumentari ini mempelihattkan pembaharuan Masjid Al-Busyra serta peranan utamanya sebagai sebuah masjid yang mampu membawa perubahan drastik kepada masyarakat sekitar sehingga berjaya memartabatkan masjid luar bandar sebagai sebuah masjid yang dikenali serantau. Objektif video dokumentari ini ialah memaparkan sejarah transformasi pembangunan masjid, mempromosikan aktiviti ekonomi dan sosial di kawasan masjid serta menunjukkan keunikan yang dibina di Masjid Al-Busyra Merbok yang tidak dilakukan di masjid-masjid serantau. Proses pra produksi ini menggunakan pembacaan informasi di laman web dan media sosial, tinjauan kawasan (*recce*) serta temubual bersama pihak pengurusan masjid, penduduk, pengunjung dan peniaga bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan terperinci. Penghasilan video dokumentari penuh berdurasi 10 minit, video *teaser* berdurasi 1 minit dan video di sebalik tadbir 1 minit mengenai “Jejak Infaq Baitullah Merbok”, merupakan langkah penting dalam mencerminkan fungsi sesebuah masjid yang bukan sahaja sebagai sebuah tempat ibadat malah menjadi pusat ekonomi yang dapat dijadikan sumber inspirasi serta mengubah persepsi masyarakat.

Kata Kunci:

Dokumentari, Masjid, Masjid Al-Busyra, Merbok, Transformasi, Video.

Abstract:

Mosques are often described as a place of worship and a place for managing religious matters. Still, the difference brought by a mosque in Merbok, Kedah makes this mosque a unique and trending mosque among the community on social media. The 52-year-old Pekan Merbok Jamek Mosque has been given a new lease of life and rebranded as Masjid Al-Busyra. The construction of the mosque with the concept of a Rest and Treatment Stop and also as a One-Stop Centre makes it the first traveler-friendly mosque in Kedah. Therefore, this article focuses on the production of a documentary video entitled "Jejak Infaq Baitullah Merbok". This documentary video shows the renovation of Masjid Al-Busyra and its main role as a mosque that has successfully brought drastic changes to the surrounding community until it has succeeded in elevating the rural mosque as a regionally known mosque. This documentary video aims to portray the history of the transformation of the mosque development, promote economic and social activities in the mosque area, and show the uniqueness of Masjid Al-Busyra Merbok that has not been done in any regional mosques. The pre production method involved researching information on websites and social media, field survey (recce), and interviews with mosque management, residents, visitors, and traders to obtain accurate and detailed information. The production of a 10-minute full documentary video, a 1-minute teaser video, and a 1-minute behind-the-scenes video on "Jejak Infaq Baitullah Merbok", is an important step in reflecting the function of a mosque which is not only a place of worship but also an economic centre that can be used as a source of inspiration and change the community's perception.

Keywords:

Documentary, Mosques, Masjid Al-Busyra, Merbok, Transformation, Video.

Pendahuluan

Masjid ialah rumah ibadah utama bagi umat Islam yang tidak hanya menjadi lokasi solat berjemaah tetapi juga pusat kegiatan komuniti seperti pembelajaran agama, musyawarah, dan perkhidmatan sosial. Transformasi masjid pada masa kini menonjolkan fungsi yang lebih holistik, bukan sahaja sebagai pusat ibadah tetapi juga sebagai institusi komuniti. Peranan masjid kini meliputi aspek pendidikan, kebajikan, pembangunan ekonomi, dan teknologi digital untuk memenuhi keperluan masyarakat moden. Walaupun begitu, fungsi asas masjid sebagai rumah ibadah dan pemangkin ukhuwah Islamiah tetap menjadi terasnya dalam perkembangan masa kini.

Artikel ini memfokuskan kepada produksi video dokumentari mengenai transformasi Masjid Al-Busyra. Tajuk dokumentari ini adalah "Jejak Infaq Baitullah Merbok". Video dokumentari ini diterbitkan bagi mengubah persepsi masyarakat mengenai cerminan sebuah masjid dan mempamerkan fungsi sebenar sebuah masjid yang sepatutnya menjadi contoh teladan kepada semua masyarakat. Secara umumnya video dokumentari "Jejak Infaq Baitullah Merbok" berunsur sejarah transformasi masjid dan seni binanya yang berjaya menarik perhatian

masyarakat untuk mengunjungi masjid ini. Masjid Al-Busyra ini terletak di Merbok, Kedah yang juga berfungsi memberikan kemudahan akses kepada penduduk setempat, musafir dan juga pengunjung dari luar.

Masjid ini yang terletak di kawasan pekan kampung juga dikategorikan sebagai masjid luar bandar. Dibina pada tahun 1972 dengan nama Masjid Jamek Pekan Merbok ini telah berusia lebih 50 tahun. Masjid ini telah diberi nafas baharu pada 2018 dengan rekaan moden berkonsepkan masjid mesra musafir pertama di Kedah dan telah dibuat permohonan penjenamaan semula pada 2019. Transformasi pengubahsuai yang dijalankan ini telah mendapat perkenan Sultan Kedah pada masa itu iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah (Acutra TV, 2023). Penjenamaan semula masjid ini diberi dengan nama Al-Busyra, diambil daripada bahasa Arab yang bermaksud “berita gembira” (Yasmin, 2020).

Perubahan transformasi masjid mendapat dana hasil sumbangan orang ramai yang dikumpul selama empat bulan hasil daripada memuat naik perkongsian keperluan dana oleh Imam Masjid Al-Busyra di media sosialnya. Masjid ini dibuka pada setiap hari dan beroperasi selama 24 jam tanpa dikelilingi pagar atau tembok di sekeliling kawasannya. Masjid berkonsepkan Hentian Rehat dan Rawat dan kawasan perkhidmatan sehenti bagi penduduk tempatan, musafir dan pengunjung adalah selari dengan saranan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (Hassan, 2021). Menurut Imam Masjid Al-Busyra, Mohd Firdaus Mat Akhir, idea yang dibangunkan ini berdasarkan 25 fungsi Masjid Nabawi yang diterapkan pada zaman Rasulullah SWT (TV3 Malaysia Official, 2023). Pelbagai transformasi dan kegiatan telah dijalankan oleh pihak masjid secara berperingkat bagi mengimarahkan dan mendapatkan sambutan orang ramai untuk terus mengunjungi masjid.

Objektif Produksi Video Dokumentari

Video dokumentari ini dihasilkan untuk mencapai objektif berikut:

1. Memaparkan sejarah transformasi pembangunan Masjid Al-Busyra.
2. Mempromosi aktiviti ekonomi dan sosial di kawasan Masjid Al-Busyra.
3. Menunjukkan keunikan Masjid Al-Busyra dalam komuniti.

Sorotan Karya

Terdapat tujuh perkara yang akan dibincangkan dalam sorotan karya antaranya ialah Masjid dan Fungsinya, Pusat Sehenti, Hentian Rehat dan Rawat, Musafir dan Infaq.

Masjid dan Fungsinya

Istilah masjid adalah berasal daripada perkataan Bahasa Arab iaitu “sajada, yasjudu, sajdan” dan “sajada” yang merujuk kepada maksud bersujud, taat, patuh serta tunduk dengan penuh hormat (Syauqi, 2004; dipetik dari Mohamad Bazli Md Radzi et al, 2023). Manakala merujuk Rosadi (2014), “sajada” dalam bahasa Arab berarti tempat sujud atau tempat menyembah Allah SWT. Menurut Kamus Dewan (2005) pula masjid bermaksud bangunan khas untuk umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain. Menurut Roslan (2008), perkataan ‘masjid’ telah disebut sebanyak 26 kali di dalam Al-Quran dan dengan jumlah tersebut dapatlah dikatakan masjid memainkan peranan penting dalam menjana pembangunan masyarakat.

Pada zaman kini, masjid sudah banyak dibina tidak kira di kawasan kampung maupun bandar dan ia merupakan sebuah institusi keagamaan utama kepada masyarakat Islam. Namun, kebanyakan masjid yang dibina tidak mempunyai bilangan jemaah yang begitu ramai dan

masjid dipandang hanya sebagai tempat untuk beribadah apabila tiba waktu solat. Kelainan yang dibawa Masjid Al-Busyra di Pekan Merbok telah menjadikan masjid bukan sekadar tempat pentadbiran malah sebagai pusat kegiatan ekonomi dan sosial yang dikenali serta membangun seperti zaman Rasulullah.

Fungsi masjid pada zaman Rasulullah SWT, atau Nabi Muhammad, adalah pelbagai dan merangkumi pelbagai aspek kehidupan keagamaan, sosial dan pendidikan (Mohamad Bazli Md Radzi et al., 2023). Masjid berfungsi sebagai pusat ibadah, pusat konsultasi dan komunikasi, pusat ilmu dan dakwah, pusat rawatan dan kebajikan masyarakat, pusat perbincangan dan ketenteraan serta pusat pengaduan dan menuntut keadilan (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Rasulullah SAW menggunakan masjid sebagai platform untuk menyatukan umat Islam, menyelesaikan perselisihan, dan memperkuuhkan iman. Sejak zaman permulaan Islam, kemajuan umat dan gerakan Islam bermula dari masjid (Nazneen Ismail et. al., 2023).

Pusat Sehenti

Konsep Pusat Sehenti yang dijalankan di Masjid Al-Busyra di Pekan Merbok, Kedah yang telah dinaik taraf selaras dengan saranan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah menjadikan masjid ini sebagai sebuah tempat persinggahan dan pertemuan untuk pelbagai tujuan (Zakaraya, 2022). Masjid ini menjadi tempat tumpuan ramai apabila menjadi pusat sehenti dilengkapi dengan perkhidmatan seperti kedai cetak, medan selera, kedai runcit, studio gambar, salon muslimah, kedai gunting rambut, tempat mencuci kereta, dobi, dan kedai aksesori telefon (Jalanan, 2024). Dengan adanya Pusat Sehenti di masjid, masyarakat dapat menjana ekonomi dan mendapatkan perkhidmatan dengan lebih efisien serta menjadikan masjid sebagai pusat kegiatan yang lebih berkesan dan memberi manfaat kepada komuniti setempat.

Hentian Rehat dan Rawat

Hentian Rehat dan Rawat merupakan kemudahan awam di tepi lebuh raya di mana pengguna lebuh raya boleh berhenti sambil berehat. Kemudahan yang terdapat di kawasan rehat dan rawat termasuklah tempat meletak kenderaan, stesen minyak, tandas, restoran serta gerai makanan. Beberapa hentian rehat dan rawat di Malaysia bukan hanya menyediakan ruang untuk pemandu berehat, malah ia menjadi satu tarikan pelancongan yang tersendiri (Hilmy, 2023). Masjid Al-Busyra Merbok dikenali juga sebagai kawasan hentian Rehat dan Rawat apabila masjid ini menjadi tempat persinggahan utama antara laluan menuju ke Yan dan Tanjung Dawai dengan menawarkan pelbagai kemudahan diperlukan seorang musafir. Dengan binaan kawasan masjid tanpa pagar mengalu-alukan kehadiran para pengguna jalan raya (Yusop, 2022).

Musafir

Kata dasar bagi perkataan “musafir” diambil daripada Bahasa Arab iaitu “Safara” yang membawa maksud pergi atau melakukan perjalanan; perkataan ini sejajar dengan istilah “rihlah” yang bermaksud pergi atau berpergian (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2016). Menurut Kamus Dewan (2024) perkataan “musafir” merujuk kepada seseorang yang melakukan perjalanan atau pengembalaan. Manakala dari segi istilah lain musafir bererti seorang yang sedang melakukan perjalanan jauh melebihi 2 marhalah atau lingkungan jarak melebihi 81 Kilometer (MyWilayah.com, 2019).


Infaq

Infaq adalah pemberian atau pembelanjaan kerana Allah atau di jalan sedekah. Menurut al-Quran, infaq disebut bersama-sama bentuk sedekah yang lain seperti zakat dan sedekah

(Muliati et al., 2020). Namun begitu, infaq merangkumi pengertian yang lebih luas yang merangkumi sebarang perbuatan memberi atau berbelanja, sama ada melalui sumbangan kewangan, masa, kemahiran, atau sumber (Bahri et al., 2021). Mohd Firdaus Mat Akhir, Pengurus Masjid Al-Busyra Merbok menyatakan masjid ini pernah membelanjakan RM21,200 dalam masa sehari bagi menjayakan Program Sedekah Sarapan Jumaat melalui duit infaq yang terkumpul hasil sumbangan orang ramai (Zakaraya, 2023). Ianya adalah perbelanjaan untuk makanan dan minuman bagi lebih kurang 400 orang pengunjung yang menunaikan solat Subuh secara berjemaah pada hari Jumaat. Program ini adalah untuk memupuk ramai jemaah untuk hadir bagi mengimarahkan masjid pada setiap pagi Jumaat.

Lokasi Projek

Rajah 1 menunjukkan lokasi utama projek ini dijalankan di Masjid Al-Busyra yang terletak di Merbok, Kedah. Merbok merupakan sebuah pekan yang terletak di dalam kawasan Sungai Petani, Kedah, Malaysia. Pekan Merbok mendapat namanya dari istilah bahasa Langkasuka iaitu “merbok” yang bererti ‘tempat perisytiharan dipersampaikan’. Merbok dikenali sebagai sebuah kawasan luar bandar di mana kemudahan fasiliti sukar didapati dan jauh dari pusat bandar.



Rajah 1: Peta Kawasan Merbok, Kedah.

Sumber : Diadaptasi dari *Google Maps*, 2024

Pra Produksi

Pada peringkat ini, pra produksi melibatkan peringkat pengembangan idea yang memerlukan proses perancangan *logline*, *treatment*, tinjauan kawasan (recce), analisis temubual, penghasilan skrip, penghasilan papan cerita, bajet produksi dan jadual pelaksanaan.

Logline

Menerusi dokumentari bertajuk “Jejak Infaq Baitullah Merbok”, di Masjid Al-Busyra Merbok Kedah, video dokumentari ini memaparkan sejarah dan kepentingan masjid yang berusia 52 tahun dalam mengubah persepsi dan tanggapan masyarakat mengenai pembinaan sebuah masjid. Daripada transformasi seni bina yang menarik sehingga peranannya dalam

mengekalkan identiti agama, budaya, aktiviti sosio-ekonomi dalam membangunkan institusi pusat ibadah dan menjadikan Masjid Al-Busyra sebuah cerminan dan contoh tauladan kepada generasi akan datang. Menjelaskan nilai kebersamaan dan inspirasi rohani yang menjadikan masjid ini sebagai pusat keagamaan yang unik dan berharga di tengah perubahan zaman.

Treatment

Treatment untuk penghasilan dokumentari “Jejak Infaq Baitullah Merbok” adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Treatment Penerbitan Dokumentari “Jejak Infaq Baitullah Merbok”

Act Structure	Treatment
Act 1 Memaparkan sejarah transformasi pembangunan Masjid Al-Busyra. <ul style="list-style-type: none"> • Perubahan struktur pembinaan yang berjaya mencerminkan fungsi sebenar sebuah masjid. (Anggaran durasi video 3-4 minit)	Ext. Merbok - Siang Rakaman perjalanan menuju ke Masjid Al-Busyra dan kawasan sekitar Merbok. Ext./Int. Masjid Al-Busyra Merbok - Siang Pengenalan kepada Masjid Al-Busyra mengenai sejarah transformasi dari tahun 2018 sehingga 2024 (Dulu dan Kini). Menunjukkan pembaharuan yang telah dihasilkan Masjid Al-Busyra sebagai sebuah Pusat Sehenti. Int. Masjid Al-Busyra Merbok - Siang Sesi temu bual bersama pihak pengurusan Masjid Al-Busyra.
Act 2 Mempromosi aktiviti ekonomi dan sosial di kawasan Masjid Al-Busyra. <ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan yang disediakan dan aktiviti sosial yang dijalankan membantu menaik taraf ekonomi kawasan luar bandar. (Anggaran durasi video 3 minit)	Ext. Masjid Al-Busyra Merbok – Siang Memaparkan aktiviti ekonomi di kawasan sekitar masjid. Temu bual bersama penduduk kampung mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang telah disediakan masjid. Memaparkan aktiviti sosial yang dapat menghubung erat hubungan antara masjid dan masyarakat setempat. Int. Kedai runcit/Spa/Medan Selera – Siang Temu bual bersama peniaga yang menyediakan perkhidmatan di kawasan masjid.
Act 3 Menunjukkan keunikan Masjid Al-Busyra dalam komuniti. <ul style="list-style-type: none"> • Masjid pertama berkonsepkan R&R dan mempunyai pelbagai kemudahan prasarana. (Anggaran durasi video 3-4 minit)	Ext. Masjid Al-Busyra Merbok – Siang Menunjukkan keunikan yang dimiliki masjid seperti studio untuk bergambar, cenderamata (merchandise) eksklusif masjid, air telaga wakaf, taman permainan yang dibina dalam masjid, pusat mencuci kereta, salon muslimah dan kawasan masjid yang tidak berpagar. Temubual bersama pengunjung yang datang singgah ke masjid. Penutup video dengan kata-kata hikmah.

Tinjauan Kawasan (Recce)

Tinjauan kawasan (Recce) telah dilakukan sebelum rakaman dokumentari dijalankan. Ini bagi memastikan informasi dan maklumat dapat diperoleh dengan tepat dan lokasi penggambaran yang hendak dirakam dapat digambarkan. Berikut adalah gambar tinjauan kawasan Masjid Al-Busyra untuk penggambaran dokumentari “Jejak Infaq Baitullah Merbok”.



Rajah 2: Masjid Al-Busyra Merbok, Kedah



Rajah 3: Ruang ibadah



Rajah 4: Tandas Awam



Rajah 5: Air Telaga Wakaf



Rajah 6: Taman Permainan



Rajah 7: Kedai Percetakan



Rajah 8: Kedai Cenderamata



Rajah 9: Studio Gambar



Rajah 10: Kedai Perkhidmatan Telekomunikasi



Rajah 11: Kedai Runcit Masjid



Rajah 12: Medan selera “Food court”



Rajah 13: Dobi Masjid



Rajah 14: Kedai Gunting Rambut dan Spa muslimah



Rajah 15: Pusat Cuci Kereta Masjid



Rajah 16: Bistro Masjid



Rajah 17: Peniaga Di Dalam Kawasan Masjid



Rajah 18: 'Food Truck' Di Tapak Parking Masjid



Rajah 19: Pejabat Pengurusan Masjid

Jadual Kerja

Proses penghasilan dan perkembangan idea bermula pada tarikh 2 November 2023. Kemudian pada tarikh 14 November 2023, pembentangan kertas kerja untuk dokumentari ini dilakukan untuk mendapatkan kelulusan. Pada tarikh 1 Disember 2023 tinjauan kawasan (*recce*) dijalankan bagi memastikan informasi diperoleh dengan lebih terperinci dan idea dapat dikembangkan lagi dengan lebih menarik. Penghasilan papan cerita dilakukan pada tarikh 7 Disember 2023 bagi memastikan aliran susunan jalan cerita dipersembahkan mengikut turutan.

Proses produksi penggambaran mempunyai tiga fasa rakaman dan ianya ditetapkan pada tarikh 2 Mac 2024 di mana cuti semester bermula. Tarikh 23 April 2023 telah dipersetujui bersama pihak masjid untuk menjalankan sesi temu bual. Akhir sekali, pada 27 April 2023 adalah tarikh rakaman akhir ditetapkan bagi menambah baik produksi video dokumentari.

Produksi

Tempoh penggambaran dan rakaman video mengambil masa selama 6 hari dengan melibatkan seorang krew produksi tunggal dan seorang krew pembantu belakang tadbir. Video dokumentari dihasilkan di daerah Merbok, Kedah. Masjid yang telah dipilih untuk video dokumentari ini dikenali sebagai Masjid Al-Busyra yang terletak di laluan utama menuju ke Yan dan Tanjung Dawai. Dokumentari ini memaparkan bagaimana transformasi masjid yang terletak di luar bandar mampu mengukir nama dan menjadi sebuah persinggahan yang mempunyai pelbagai kemudahan sebagai pusat sehenti.

Dari segi teknikal, dua buah kamera telah digunakan iaitu Canon EOS 200D dan Canon EOS Mark II, satu mikrofon klip tanpa wayar, satu tripod, satu penstabil kamera (stabilizer Feiyu Tech Scorp C) dan sebuah kamera dron (DJI Mini 2 SE). Antara elemen produksi yang telah digunakan untuk penghasilan dokumentari ini adalah seperti berikut:

Visual

Proses rakaman yang dijalankan telah menggunakan beberapa teknik shot antaranya *Established Shot* (ES), *Wide Shot* (WS), *Full Shot* (FS) dan *Medium Close Up* (MCU). Manakala posisi penggunaan kamera menggunakan *High Angle* (Bird eye view) di mana rakaman keseluruhan kawasan sekitar Merbok dirakam menggunakan kamera dron dan *Eye Angle* digunakan semasa rakaman temu bual. Pergerakan kamera seperti *Pan*, *Truck*, *Zoom* dan *Arc/Orbit* digunakan semasa proses rakaman bagi menghasilkan video yang menarik dan memberi tumpuan kepada penonton.

Teknik Pencahayaan

Dua jenis teknik pencahayaan telah digunakan semasa proses produksi dokumentari “Jejak Infaq Baitullah Merbok” ini iaitu pencahayaan semula jadi dan pencahayaan pengisian yang menggunakan cahaya lampu. Pencahayaan semula jadi digunakan semasa rakaman dijalankan di kawasan luar yang menggunakan sumber cahaya matahari. Manakala pencahayaan pengisian menggunakan cahaya lampu kalimantang semasa berada di dalam kawasan yang tertutup.

Audio

Semasa penggambaran dijalankan, mikrofon klip tanpa wayar digunakan ketika rakaman temu bual untuk memperjelaskan lagi suara dan mengurangkan gangguan bunyi kawasan sekitar. Suara latar juga digunakan untuk menceritakan gambaran dokumentari dengan lebih terperinci dan menambahkan mod yang lebih menarik.

Temu Bual dan Lokasi Penggambaran

Temu bual yang dijalankan melibatkan pihak pengurusan iaitu Ustaz Muhammad Naim Hadi Zulkifli selaku Pengurus Pengimaran dan Puan Mardiah Zamri selaku Pembantu Tadbir Masjid Al-Busyra Merbok, Kedah. Kemudiannya temu bual bersama penduduk kampung yang datang menggunakan perkhidmatan dobi di sekitar masjid iaitu Puan Atiqah, Pemilik Al-Busyra Spa and Salon iaitu Puan Rosmah Md Junus dan pengunjung yang pertama kali datang melihat Masjid Al-Busyra, Encik Saiful. Kesemua lokasi penggambaran dijalankan di sekitar kawasan Masjid Al-Busyra Merbok, Kedah pada hari bekerja dan hujung minggu.

Pasca Produksi

Proses penyuntingan dokumentari “Jejak Infaq Baitullah Merbok” melibatkan penggunaan perisian *Adobe Premiere Pro 2020*, *Google Earth* dan *CapCut*. Tujuan penyuntingan dilakukan bagi memilih, menyusun kesemua video rakaman menjadi satu video yang lengkap, menambah muzik latar dan suara latar serta meletakkan penggunaan kesan visual seperti *Color Grading* yang bersesuaian dengan tema dan menambahkan lagi mod video.

Pemilihan rakaman dilakukan dengan menilai kualiti resolusi video yang jelas dan bersesuaian dan telah mengambil masa lima hari untuk memadankan paparan dengan suara latar agar ia kelihatan serasi serta bersesuaian dengan jalan cerita yang disampaikan. Proses penyuntingan pula mengambil masa tiga minggu untuk menyiapkan video penuh dokumentari, manakala video teaser mengambil dua hari dan video disebalik tadbir pula mengambil masa kurang dari sehari untuk menyiapkannya.

Selepas proses penyuntingan keseluruhan video dokumentari “Jejak Infaq Baitullah Merbok” ini siap, ianya akan dieksport menjadi sebuah video berdurasi selama 10 minit dan dimuatnaik di YouTube. Video teaser dokumentari ini telah dikongsikan ke platform media sosial seperti WhatsApp, Instagram dan TikTok. Tujuannya adalah untuk mempromosi dan menarik lebih ramai penonton sasaran yang berminat dengan dokumentari ini. Video dokumentari penuh di YouTube boleh didapati melalui pautan url berikut <https://youtu.be/G2vp2tRLPuQ>. Sehingga kini perkongsian pautan link video dokumentari “Jejak Infaq Baitullah Merbok” ini masih lagi dikongsikan kepada orang ramai untuk menarik lebih banyak penonton.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, dokumentari "Jejak Infaq Baitullah Merbok" yang telah dihasilkan menunjukkan cerminan sebuah masjid yang seharusnya berfungsi di dalam komuniti Islam. Sektor ekonomi umat Islam seharusnya dikembangkan dan dibangunkan lebih pesat selari dengan kemajuan dunia teknologi digital. Dokumentari ini dapat menambah pengetahuan orang ramai terutama pihak pengurusan masjid yang lain bagi membawa perubahan yang perlu dimiliki oleh sebuah masjid yang akan memberi manfaat kepada penduduk sekitar dan institusi keagamaan itu sendiri seperti pembangunan ekonomi dan hubungan sosial yang baik dalam masyarakat. Selain itu, video dokumentari ini juga dihasilkan bagi mempromosikan sektor ekonomi yang diusahakan pihak masjid dan menjadikan Masjid Al-Busyra sebagai *role model* ekonomi dan sosial yang dapat membangunkan institusi keagamaan umat Islam dalam masyarakat kini, serta menjadikan masjid ini terus dikenali dan memberi manfaat kepada semua.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia, pihak pengurusan Masjid Al-Busyra, Merbok, Kedah, semua informan, kru produksi serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan dokumentari ini.

Rujukan

- Acutra TV, A. T. (2023, Julai 10). Viral!!! Masjid Al Busyra Merbok 1 Masjid Tanpa Pagar & Mesra Pengguna. <https://www.youtube.com/watch?v=iXKoRouoQAM>.
- Bahri, E. S., Utama, I., Arif, Z., Zaedi, M., & Salamun, A. (2021). The Effectiveness of Zakat Disbursement by Amil Zakat Institutions in Indonesia. *Al Maal: Journal of Islamic Economics and Banking*, 3(1), 93. <https://doi.org/10.31000/almaal.v3i1.4293>
- Hassan, I. T. (2021, September 21). 'Kerja tidak masuk akal' imam muda jadi kenyataan. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/757589/kerja-tidak-masuk-akal-imam-muda-jadi-kenyataan-metrotv>
- Hilmi, I. (2023, September 14). R&R in Penang to get a boost from RM40mil agro-tourism project. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/09/14/rr-in-penang-to-get-a-boost-from-rm40mil-agro-tourism-project>
- Jalanan, M. (2024, Februari 13). Kisah dua masjid hebat di Kedah. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/649229/suara-sinar/komentar-editor/kisah-dua-masjid-hebat-di-kedah>
- Kamus Dewan*. Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?Keyword=masjid>
- Mohamad Bazli Md Radzi, Salmy Edawaty Yaacob, Azlin Alisa Ahmad. 2023. Masjid Sebagai Alternatif Pusat Penjanaan Ekonomi Masyarakat Setempat: Satu Sorotan Literatur. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 8(1): 36- 41. <http://journalarticle.ukm.my/22297/1/5-Mohamad-Bazli-Salmy-Azlin-2023%20-.pdf>
- Muliati, Mayapada, A. G., Debriyanto, & Halwi, M. D. (2020). The accountability and distribution of productive zakat in improving the welfare of zakat recipients. *Proceedings of the International Conference on Community Development (ICCD 2020)*, 481–485. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.201017.106>
- MyWilayah.com. (2019, Disember 23). *Makna Musafir, Bermukim, Bermastautin dan Tempoh Qasar dan Jamak*. <https://www.mywilayah.com/2019/12/makna-musafir-bermukim-bermastautin-dan.html>

- Nazneen Ismail, Sahlawati Abu Bakar, Khairunnisa Ismail & Norul Huda Bakar. (2023). Peranan Muslimat Dalam Menjadikan Masjid Sebagai Pusat Khidmat Sosial. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management*. Vol.3, No.2
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2016). *Al-Kafi#255 : Maksud Musafir, Mukim, Dan Bermastautin Serta Berapa Hari Boleh Jamak Qasar.* <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1364-al-kafi-255-maksud-musafir-mukim-dan-bermastaunin-serta-berapa-hari-boleh-jamak-qasar>
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). *Bayan Linnas Siri Ke-206: Pengimaranan Masjid: Tugas Kita.* <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/3618-bayan-linnas-siri-ke-206-pengimaranan-masjid-tugas-kita>
- Roslan Mohamed. 2008. Masjid sebagai Medan Pembangunan Insan. Dlm. *Jurnal YADIM*. Vol 10. Kuala Lumpur: YADIM
- TV3 Malaysia Official. (2023, April 14). *Dari Masjid Ke Masjid: Masjid Al-Busyra, Merbok, Kedah / MHI (14 April 2023).* <https://www.youtube.com/watch?v=LZghW28SPy0>
- Yasmin, P. (2020, 28 Disember). Nama Lain Alquran yang Perlu Diketahui, Ada Apa Saja?. *Detik News.* <https://news.detik.com/berita/d-5311894/nama-lain-alquran-yang-perlu-diketahui-ada-apa-saja>
- Yusop, M. S. (2022, April 13). Masjid mesra musafir bak R&R di lebuh raya. *Kosmo.* <https://www.kosmo.com.my/2022/04/14/masjid-mesra-musafir/>
- Zakaraya, S. Z. (2022, Jun 14). Masjid mesra musafir pertama di Kedah. *Sinar Harian.* <https://www.sinarharian.com.my/article/207028/edisi/masjid-mesra-musafir-pertama-di-kedah>
- Zakaraya, S. Z. (2023, Mac 18). Masjid belanja infak sarapan RM21,200 sehari. *Sinar Harian.* <https://www.sinarharian.com.my/article/250371/edisi/utara/masjid-belanja-infak-sarapan-rm21200-sehari>